NO. SOALAN : 45

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHOW KON YEOW [TANJONG]

TARIKH : 9 NOVEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN

TUAN CHOW KON YEOW [TANJONG] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan perkembangan kelulusan Mekanisme Penetapan Tarif (TSM). Bilakah ia akan dibentangkan dan tempoh masa Kerajaan Pusat akan menyelaras tarif air melibatkan semua negeri dalam memastikan pentadbiran pembekalan air yang mampan oleh operator-operator air dalam negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kementerian Alam Sekitar dan Air telah dibentangkan cadangan pelaksanaan Mekanisme Penetapan Tarif (*Tariff Setting Mechanism* – TSM) untuk pertimbangan kepada Jemaah Menteri 17 Julai 2020. Melalui pembentangan tersebut, Kerajaan mengambil perhatian mengenai kepentingan TSM sebagai mekanisme untuk mewujudkan industri perkhidmatan bekalan air yang mempunyai kemapanan jangka masa panjang.

2. Namun demikian, atas dasar untuk mengurangkan impak langsung kepada kos sara hidup rakyat dalam tempoh pemulihan ekonomi kesan penularan pandemik COVID-19, cadangan TSM telah ditangguhkan pelaksanaannya.

Sekian, terima kasih.